

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Keberkesanan Youtube Sebagai Metod Sokongan Pengajaran dan Pembelajaran atas Talian (PdPT).

Rosmera Binti Ibrahim^{a1} & Muhammad Fahmi bin Md Sabri^{a2}

^{a1}Politeknik Merlimau, Melaka, KB 1031 Pej Pos Merlimau, 77300, Merlimau, Melaka

Abstrak

Penggunaan ICT multimedia, termasuk teknologi pendidikan, dan pita rakaman audio, dapat merangsang indera pendengaran pelajar. Pemilihan aplikasi youtube sebagai medium *edutainment* sangat bertepatan sewaktu pandemik Covid19 ini melanda negara. Ini adalah kerana semua pengajaran dan pembelajaran secara tradisional telah diubah menjadi pengajaran dan pembelajaran di atas talian (PdPT). Aplikasi YouTube merupakan medium perkongsian video yang popular untuk memuat naik, menonton dan berkongsi petikan video. Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) adalah institusi yang menawarkan beberapa program pengajian dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti. Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) antara jabatan yang berada di PMM yang menawarkan kursus pelancongan, pengurusan acara, perkhidmatan makanan, pengurusan hotel dan senu kulinari. Kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice ini mendedahkan kepada pelajar tentang fasiliti dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh pemain industri pelancongan di Malaysia dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim dalam dan luar negara. Pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik bagi tujuan menyampaikan kuliah secara atas talian. Kegusaran pensyarah timbul dalam memastikan penyampaian mereka ketika kelas atas talian berlangsung berjaya disampaikan dengan baik kepada pelajar dan seterusnya menjamin kefahaman pelajar terhadap topik yang diajarkan. Kajian ini ingin melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan aplikasi youtube yang digunakan dalam memuatnaik video dan nota pengajaran bagi kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice di JPH, PMM. Jumlah sampel yang terpilih adalah seramai 50 orang pelajar JPH, PMM. Hasil dari analisis dapatan, dapat dibuat kesimpulan, bahawa aplikasi youtube dilihat berkesan dijadikan metode sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian (PdPt). Hal ini banyak membantu proses penyampaian bagi kursus berkenaan. Aplikasi ini dipilih sebagai metode sokongan adalah kerana ciri ciri yang ada pada aplikasi ini adalah mesra pengguna.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Key-word: - Youtube, Muslim Friendly, Pengajaran dan Pembelajaran

1. Pengenalan

Aplikasi YouTube merupakan medium perkongsian video yang popular untuk memuat naik, menonton dan berkongsi petikan video. Aplikasi ini juga kini menjadi satu bentuk media baharu Web 2.0 yang popular bagi menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran atas talian (PdPT). Kenyataan Jamaludin dan Zaidaton (2003) dalam kajiannya mengatakan bahawa penggunaan ICT multimedia, termasuk teknologi pendidikan, termasuk pita rakaman audio, dapat merangsang indera pendengaran pelajar. Godwin-Jones (2007) dalam artikelnya yang diterbitkan di dalam Majalah Wired, menyatakan bahawa sebanyak 65,000 video dimuat naik dan 100 juta video ditonton setiap hari. Kenyataan ini disokong oleh Mohamad Amin Embi, 2010 yang menyatakan video boleh menjadi satu alat pendidikan dan motivasi yang amat berpengaruh. Youtube juga dilihat berpotensi menjadi medium penyebaran ilmu pendidikan tidak kira dari segi teori mahupun praktikal. Ini adalah kerana, keupayaan capaian aplikasi ini dilihat sangat mudah dicapai dengan kemudahan jalur lebar masa kini. Ianya juga mudah untuk dikendalikan tanpa perlu sebarang pengaturcaraan yang rumit dan boleh dicapai dengan hanya memasukkan kata kunci pada bahagian carian.

Minat pelajar lebih cenderung terhadap penggunaan unsur grafik dan warna. Ini secara langsung dapat menarik perhatian mereka. Dapatan kajian oleh Che Suriani & Fariza (2014) menghuraikan unsur ini penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana ia dapat mempertingkatkan kefahaman dan menghindar salah anggapan dan tafsiran. Hal ini ditambah pula dengan kajian yang dibuat oleh Zamri & Mohamed Amin (2008) di mana multimedia mempunyai keupayaan dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat, tepat dan mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Wan Hazenah (2014) mendapati perkembangan penggunaan multimedia dan internet hari ini telah membuka lebih banyak peluang kepada pengajar dan pelajar meraih pengetahuan dan memberi kemudahan mendapatkan maklumat dan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan pantas dan mudah secara atas talian. Kenyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Mohamad Amin Embi (2010) yang mendapati video boleh menjadi satu alat pendidikan dan motivasi yang amat berpengaruh.

Politeknik Merlimau, Melaka (PMM) adalah institusi yang menawarkan beberapa program pengajian dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti. Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) antara jabatan yang berada di PMM yang menawarkan kursus pelancongan, pengurusan acara, perkhidmatan makanan, pengurusan hotel dan seni kulinari. Muslim Friendly and Hospitality Practice pula adalah antara kursus yang perlu diambil oleh pelajar JPH bagi melayakkan mereka mendapat kredit untuk graduan. Kursus ini mendedahkan kepada pelajar tentang fasiliti dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan oleh pemain industri pelancongan di Malaysia dalam memenuhi keperluan pelancong Muslim dalam dan luar negara.

Semasa pandemik Covid19 ini melanda, pensyarah telah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik bagi tujuan menyampaikan kuliah secara atas talian. Kegusaran pensyarah timbul dalam memastikan penyampaian mereka ketika kelas atas talian berlansung berjaya disampai dengan baik kepada pelajar dan seterusnya menjamin kefahaman pelajar terhadap topik yang diajarkan. Antara pendekatan kreatif yang digunakan ialah dengan menggunakan aplikasi youtube untuk memuat naik video dan nota pengajaran berkenaan topik bagi kegunaan PdPT. Kajian ini ingin melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan aplikasi youtube yang digunakan dalam memuatnaik video dan nota pengajaran bagi kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice di JPH, PMM.

2. Sorotan Literatur

Alat Bantu Mengajar (ABM) berasaskan Multimedia dalam Penggunaan Modul Pengajaran

Pengajaran adalah proses pemilihan pasti dan susunan maklumat, aktiviti, pendekatan dan media untuk membantu pelajar mengenal pasti matlamat pembelajaran serta pemilihan maklumat yang perlu diajar dari segi kesahihan dan susunan yang sesuai mengikut keperluan pelajar (Baharuddin et al. 2001). Asri (2003) dalam kajiannya mendapati ramai pelajar yang memberi tindak balas positif dan menggalakkan terhadap penggunaan modul pengajaran berbantuan komputer sebagai alat bantu mengajar (ABM) di dalam kelas. Kajian oleh Shaharom & Yap (1992) menunjukkan tentang pengajaran menggunakan modul multimedia merupakan salah satu cara yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah kefahaman pelajar tentang sesuatu topik. Kaedah pengajaran dan pembelajaran ini dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan memahami sesuatu topik dengan lebih mendalam dengan bantuan alat bantu mengajar yang lebih interaktif.

Penggunaan Perisian dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Menurut Rosseni et al. (2007), aplikasi web ialah aplikasi yang diakses dengan pelayar web melalui rangkaian seperti internet. Salsidu et al. (2018) menyatakan, penyampaian multimedia juga merupakan kaedah yang inovatif dan efektif dalam menyampaikan maklumat kerana penggunaannya yang menjimatkan kos. Menurut teori konstruktivisme, pelajar tidak lagi dianggap belajar daripada apa yang diberikan oleh pendidik tetapi secara aktif membina realiti mereka sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai realiti tersebut. Mahmud et al. (2006) menjelaskan dalam kajiannya bahawa pendekatan konstruktivisme ialah pendekatan yang baik bagi modul pembelajaran ini kerana dapat membentuk sikap dalam diri pelajar untuk belajar sendiri. Kajian ini disokong oleh Edgar Dale (1969) melalui teori kon pengalaman dan pembelajaran dalam penulisannya bertajuk *Audiovisual methods in teaching* yang mana melalui pendedahan terhadap pengalaman akan dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap sesuatu tugasan.

Kepentingan Penggunaan Aplikasi Multimedia dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran

Penggunaan multimedia dalam PdP memberi kesan positif terhadap penglibatan pelajar berdasarkan kajian oleh Jamaluddin dan Zaidatun (2000). Multimedia merupakan sesuatu yang dinamik maka apabila ianya diserap dalam bidang pendidikan maka lahirlah satu konsep pembelajaran yang baharu gabungan daripada pendekatan pendidikan dan hiburan yang dinamakan edutainment (education + entertainment). Kajian oleh Salsidu et.al (2018) juga mendapati lahirnya banyak aplikasi-aplikasi multimedia yang bercorak edutainment terutamanya bagi pelajar- pelajar muda dan remaja.

Jalaluddin, M. (2016) dalam kajiannya menyatakan terdapat beberapa kelebihan penggunaan youtube dalam proses pengajaran dan pembelajaran atas talian. Antara kelebihan tersebut ialah:

1. Video YouTube adalah media yang sangat berguna yang dapat diakses di luar dan di dalam bilik darjah. Ini kerana video YouTube adalah video berasaskan dalam talian yang boleh diakses di mana-mana sahaja dalam kawasan sambungan internet. Oleh itu, ia menawarkan fleksibiliti pembelajaran dan membolehkan guru menugaskan pelajar untuk meneroka lebih banyak video berkaitan di luar bilik darjah.
2. Video YouTube memberi pendedahan kepada bahasa Inggeris yang sahih dan menawarkan contoh yang sahih Bahasa Inggeris setiap hari yang dituturkan oleh orang ramai. Ia membolehkan pelajar mendapat akses ke Bahasa Inggeris yang dituturkan oleh penutur asli. Lebih-lebih lagi dengan menggunakan bahan yang sahih akan menjadikan para pelajar menjadi lebih yakin untuk menghadapi situasi kehidupan sebenar.
3. Menggunakan video YouTube mempromosikan gaya pembelajaran yang lebih autonomi dan pelajar pusat. Pelajar akan terlibat secara aktif dalam pembelajaran mereka dan peranan guru sama seperti fasilitator. Lebih-lebih lagi, kemudahan mengakses pelbagai video di YouTube memberi pelajar berpeluang untuk menimba ilmu dengan sendirinya tanpa diberi makan oleh guru mereka. Sebagai tambahan, video yang menggabungkan kedua gambar dan audio menjadikannya pelajar menjadi lebih mudah untuk memahami konsep abstrak.
4. Menggunakan video YouTube di dalam kelas sangat menarik perhatian pelajar, jadi ia berjaya menjadikan bilik darjah sangat interaktif untuk pembelajaran bahasa. Oleh kerana mereka mendapati video itu menarik dan mencabar untuk ditonton kerana menunjukkan kepada mereka bagaimana orang berkelakuan semasa menggunakan sasaran bahasa yang mereka pelajari.
5. Menggunakan video YouTube membolehkan pelajar memberi komen mengenai sebarang video terutamanya ketika mereka memainkannya dalam talian. Ini menyumbang kepada pengembangan kemahiran bahasa lain pelajar.

Penggunaan Youtube dalam meningkatkan motivasi pelajar

Yusri (2018) dalam kajiannya mendapati penggunaan youtube sebagai metode yang boleh mempengaruhi pelajar dalam meningkatkan motivasi mereka dalam pembelajaran. Hasil kajiannya mendapati, tahap motivasi pelajar belajar bahasa inggeris meningkat dengan ketaranya selepas beliau mengaplikasikan youtube dalam pengajaran beliau. Kenyataan ini disokong pula oleh kajian yang dijalankan oleh Ni Luh Desy Suari Dewi (2018), mendapati penggunaan youtube ini menerima respon positif dari dapatan sampel yang diperolehi darikajiannya bertajuk “Pengaruh Media Pembelajaran Berbasis Youtube Dalam Pembelajaran Tata Bahasa Inggris”. Syamsulaini Sidek (2016) dalam kajiannya telah menemui lima kepentingan video iaitu dapat meningkatkan bilangan bacaan dan bahan pengajaran, membantu dalam pembangunan asas pengetahuan pelajar, mengukuh kefahaman, meningkatkan motivasi dan semangat pelajar dan akhir sekali menggalakkan keberkesanan pendidik dalam mengajar. Ini bermakna penggunaan video dalam proses pengajaran dan pembelajaran atas talian dapat meningkatkan motivasi pelajar seterusnya ianya tidak langsung akan menambahkan minat mereka terhadap kursus tersebut dan hasilnya akan dapat dilihat pada keputusan ujian mahupun peperiksaan mereka.

3. Metodologi

Kajian dijalankan melalui kaedah pemerhatian dan penilaian dibuat melalui penggunaan instrumen soal selidik bagi melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan youtube di dalam kursus berkenaan. Khalid Johari (2003) menyatakan penggunaan soal selidik merupakan suatu bentuk alat pengumpulan data yang digunakan oleh banyak penyelidik. Ini adalah kerana penggunaan soal selidik dapat mengumpulkan data secara berstruktur dan standard. Selain itu Nur Fadzilah (2010), menyatakan soal selidik adalah instrumen yang mudah dikendalikan, menjimatkan masa, wang dan fikiran penyelidik selama pengumpulan data.

Responden yang terlibat seramai 50 orang pelajar yang mengambil kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice di Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau Melaka. Pemilihan populasi sampel ini adalah berdasarkan jadual persampelan oleh Krjcie & Morgan (1970). Kesemua 50 borang soal selidik yang dihantar telah diterima. Kajian dibuat menggunakan Skala Likert dimana terdapat lima tahap skala yang digunakan iaitu, sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju, dan sangat setuju. Kebolehpercayaan soal selidik ini telah diuji menggunakan Alpha Cronbach ($\alpha = .90$) yang lebih besar daripada $\alpha > .70$. Setelah soal selidik dikutip, data berkenaan dimasukkan ke dalam perisian SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) dan dianalisis secara deskriptif. Maklumat hasil dari dapatan kajian ini (kajian analisis keperluan) adalah penting kerana hasil dapatan akan digunakan untuk membantu memudahkan pensyarah jabatan dalam meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, seterusnya menjadikan hasil pembelajaran dapat dicapai mengikut keperluan yang telah ditetapkan di dalam silibus kursus berkenaan.

4. Hasil dapatan

Profil Responden



Rajah 1 Peratusan responden

Rajah 1 menunjukkan jumlah sampel yang terpilih merangkumi 17 orang pelajar lelaki iaitu 34 % dan 33 orang pelajar perempuan iaitu 66%. Jumlah keseluruhan sampel yang telah dipilih adalah seramai 50 orang pelajar.

Analisis Deskriptif

Nilai min menerangkan kecenderungan setiap pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Jadual 1 menunjukkan analisa pengelasan bagi skor min dan tahap penilaian

Jadual 1 Interpretasi Skor Min bagi Setiap Pemboleh Ubah

Skor Min	Tahap
0.1 - 1.66	Rendah
1.67 - 3.32	Sederhana
3.33 - 5.00	Tinggi

Jadual 2 Analisis Deskriptif Keberkesanan Penggunaan Youtube

Bil.	Item	Min	Tahap
A1	Youtube memudahkan saya untuk membuat carian berkaitan topik pembelajaran saya.	4.46	Tinggi
A2	Kandungan topik yang dimuat naik youtube memudahkan saya untuk memahami topik yang diajarkan.	4.30	Tinggi
A3	Saya mudah untuk mengulang tayang bahagian/subtopik yang kurang jelas.	4.62	Tinggi
A4	Penggunaan Youtube sebagai metode pembelajaran memberikan saya kebebasan untuk mengulang kaji topik berkaitan.	4.50	Tinggi
A5	Penggunaan Youtube juga membolehkan saya berinteraksi secara terus dengan pensyarah kursus.	4.16	Tinggi
A6	Saya boleh meletakkan pertanyaan saya kepada pensyarah di ruangan komen yang disediakan.	4.42	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.41	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, item A3 mendapat skor min tertinggi 4.62. Skor min kedua tertinggi adalah item A1 iaitu 4.46. Item A4 mendapat skor min ketiga tertinggi 4.50. Manakala item A2 mendapat skor min yang lebih rendah iaitu 4.42. Disusuli oleh item A2 iaitu 4.30. Skor min yang paling rendah adalah pada item A5 iaitu 4.16. Walaupun mendapat skor min paling rendah tetapi pernyataan ini masih berada pada tahap interpretasi min yang tinggi. Keseluruhannya, nilai purata min bagi pembolehubah Keberkesanan Penggunaan Youtube ialah 4.42. Ini menunjukkan bahawa Penggunaan Aplikasi Youtube sebagai metode sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian bagi Kursus Muslim Friendly and Hospitality Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau, Melaka adalah berada pada tahap tinggi. Ini juga membuktikan youtube mudah digunakan dan menjadi tarikan kepada generasi muda masakini iaitu pelajar-pelajar.

Jadual 3 Analisis Analisa data sikap pelajar terhadap penggunaan Youtube

Bil.	Item	Min	Tahap
B1	Saya mencadangkan Youtube dijadikan bahan pembelajaran bagi kursus-kursus yang lain.	4.22	Tinggi
B2	Saya selesa menggunakan youtube sebagai bahan pembelajaran saya .	4.32	Tinggi
B3	Penggunaan Youtube dalam pembelajaran Muslim Friendly and Hospitality Practice menjadikan sesi pembelajaran dan pengajaran atas talian lebih menarik berbanding penggunaan buku teks sahaja.	4.32	Tinggi
B4	Pembelajaran Kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice menggunakan Youtube menjadikan pembelajaran saya lebih menarik.	4.42	Tinggi
B5	B5 Aplikasi Youtube ini membantu menambah minat saya terhadap kursus ini.	4.52	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.36	Tinggi

Jadual 3 memaparkan analisis data bagi pembolehubah penilaian sikap pelajar terhadap penggunaan Youtube. Hasil analisis kajian sikap pelajar terhadap penggunaan Youtube berada pada tahap yang tinggi. Ini dibuktikan dengan hasil skor min keseluruhan bagi kelima-lima item dalam pembolehubah yang dikaji adalah 4.36. Item B5 menunjukkan tahap interpretasi min yang paling tinggi iaitu 4.52. Seterusnya diikuti oleh item B4 iaitu 4.42. Item B2 dan B3 pula mendapat skor min sama iaitu skor 4.32. Juga menunjukkan interpretasi yang tinggi. Skor min yang paling rendah adalah pada item B1. Walaubagaimanapun, ianya masih berada pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu 4.22. ini dapat dibuat kesimpulan bahawa, pelajar sangat positif terhadap penggunaan youtube sebagai medium pengajaran dan pembelajaran atas talian (PdPT) mereka.

4. Kesimpulan

Hasil dari analisis dapatan di atas, dapat dibuat kesimpulan, bahawa aplikasi youtube dilihat berkesan dijadikan metode sokongan dalam pengajaran dan pembelajaran atas talian (PdPt). Hal ini banyak membantu proses penyampaian bagi kursus berkenaan. Aplikasi ini dipilih sebagai metode sokongan adalah kerana ciri ciri yang ada pada aplikasi ini yang mesra pengguna. Aplikasi ini juga mempunyai lebih 26 juta pengguna di Malaysia berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Hootsuite (2018). Pembelajaran atas talian sewaktu pandemik covid19 ini, memerlukan pensyarah mencari kaedah alternatif yang menarik dan interaktif bagi menggantikan kaedah penyampaian secara tradisional atau bersemuka. Walaupun, aplikasi youtube banyak dilihat sebagai aplikasi hiburan, namun potensi youtube sebagai medium *edutainment* adalah sangat besar dan meluas. Penggunaan aplikasi ini bukan sahaja terhad kepada pelajar JPH, di PMM sahaja, malah keupayaan ianya diakses oleh lebih ramai lagi pengguna ketika mereka melayari aplikasi ini bagi mendapatkan maklumat. Impak penggunaan aplikasi ini juga dapat menarik minat pelajar dalam kursus atau matapelajaran yang diambil. Ini adalah kerana generasi muda sekarang lebih gemar menggunakan medium media sosial sebagai sumber utama pencarian maklumat mereka. Hasil kajian ini juga dilihat dapat menjimatkan kos penggunaan kertas, kerana nota-nota dan video pengajaran dan pembelajaran tidak perlu di cetak. Pelajar mempunyai autonomi dalam mengurus aktiviti pembelajaran mereka di mana, mereka boleh mengaksesnya pada bila-bila masa mengikut keselesaan mereka menggunakan komputer peribadi mahupun telefon pintar. Kajian ini juga membantu proses penambahbaikan (CQI) secara berterusan bagi kursus Muslim Friendly and Hospitality Practice di JPH, PMM dalam menjadikan proses PdPT lebih efektif dan efisien seterusnya mencapai sasaran petunjuk prestasi utama (KPI) yang telah ditetapkan bagi kursus dan juga bagi program pengajian di Politeknik Malaysia.

Rujukan

- Ahmad, S. F. & Tamuri, A. H. (2010). Persepsi Guru Terhadap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berasaskan Teknologi Multimedia dalam Pengajaran j- QAF. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 53-64.
- Alias, A. (2005). Tinjauan ke atas Penggunaan Peralatan Multimedia di Kalangan Guru Sains dan Matematik dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah. Universiti Teknologi Malaysia: Laporan Projek Sarjana
- Aris, B., Subramaniam, M. & Shariffudin, R. S. (2001). Reka Bentuk Perisian Multimedia. Muapakat Jaya Percetakan Sdn. Bhd.
- Aris, B., Yahaya, N., Harun, J. & Tasir, Z. (2000). Siri Modul Pengajaran- Teknologi Pendidikan. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.” Tidak diterbitkan
- Baharom, N. (2005). Kamus Dewan Edisi Ke Empat, Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dale, E. (1969). *Audiovisual methods in teaching*, third edition. New York: The Dryden Press; Holt, Rinehart and Winston.
- Gary, G. B. & Jane, M. L. (2006). *Using Technology in The Classroom*, Brief Edition. United State, Amerika. Library Of Congress Cataloging in Publication Data
- Harun, J. & Tasir, Z. (2000). Pengenalan kepada Multimedia. Kuala Lumpur. Venton Publishing.
- Harun, J. & Tasir, Z. (2003). *Multimedia dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur. PTS Publication And Distributor Sdn.Bhd.
- Hashim, Y. (1997). *Media Pengajaran Untuk Pendidikan dan Latihan*. Shah Alam : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Husain, N. A., Bade, A., Kumoi, R. & Rahim, M. S. M. (2010, December). Iterative Selection Criteria To Improve Simple Adaptive Subdivision Surfaces Method In Handling Cracks For Triangular Meshes. In *Proceedings of the 9th ACM SIGGRAPH Conference on Virtual-Reality Continuum and its Applications in Industry* (pp. 207-210). ACM.
- Jamaludin Badusah & Hashimah Haji Hashim. 2005. Persepsi pelajar sekolah menengah terhadap penggunaan Internet dalam penulisan karangan. *Prosiding Seminar Kebangsaan E-Komuniti*, 1-11
- Khalid Johari. 2003. “Penyelidikan dalam Pendidikan (Konsep dan Prosedur)”. Malaysia :Prentice Hall.
- Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610
- Mahmud, J., Borodin, Y., Das, D., & Ramakrishnan, I. V. (2006, October). Improving Non-Visual Web Access Using Context. In *Proceedings of the 8th international ACM SIGACCESS Conference On Computers And Accessibility*, 273-274. ACM.
- Marina, I. (2009). A Multimedia Courseware (BACA) For Learning Bahasa Melayu For Preschool Using The Vygotsky's Approach (Doctoral dissertation, PhD thesis, UKM, Bangi, Selangor).
- Mc Millan, J. H. & Schumacher, S. (2006). *Research in Education*. Boston. Pearson Education.
- Muda, Z. (2006). Storytelling Approach In Multimedia Courseware: An Introduction To Science For Preschool Education. In *Information and Communication Technologies, 2006. ICTTA'06. 2nd , 2*, 991-2993. IEEE.
- Nur Fadzilah Binti Othman. 2010. Kajian Tahap Penggunaan Aplikasi Web 2.0 Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai.
- Ni Luh Desy Suari Dewi, Ni Putu Sri Eka Carniasih (2018). Pengaruh Media Pembelajaran Berbasis Youtube Dalam Pembelajaran Tata Bahasa Inggris. *Prosiding Sintesa* ISBN: 978-602-53420-0-4
- Othman. (2003). *Penghasilan Modul E-Pembelajaran: Pembinaan Jalan Raya*. Pejabat Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn. Tesis Sarjana
- Reiser, R. A. & Dempsey, J. V. (2012). *Trends and Issues In Instructional Design And Technology*. Boston: Pearson.
- Roblyer, M. D. & Schwier, R. (2003). *Integrating Educational Technology Into Teaching* (Canadian Ed). Toronto: Prentice Hall.
- Rossen, D., Ahmad, M. & Faizal, K. Z. M. (2007). Kesahan Dan Kebolehppercayaan Soal Selidik Gaya E-Pembelajaran (Else) Versi 8.1 Menggunakan Model Pengukuran Rasch. *Jurnal Pengukuran Kualiti dan Analisis*.
- Saridah, H. (2006). Keberkesanan Penggunaan Perisian Multimedia Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Lokus Dalam Dua Matra Terhadap Pelajar Tingkatan Dua.(Kajian Berasaskan Sekolah).
- Shaharom, N. & Yap, K. C.(1992). Merekabentuk dan menilai Modul Pengajaran sendiri (MPK). *Jurnal Pendidikan Guru BPG*. Bil 8;16-44.
- Snowdon, A. W., A. Hussein., L. High., L. Stamler., J. P. Millar., L. Patrick. & Ahmed, E. (2008). The Effectiveness Of A Multimedia Intervention On Parents' Knowledge And Use Of Vehicle Safety Systems For Children. *Journal of Pediatric Nursing*, 23(2), 126-139.
- Siti Zulaidah Salsidu, Mohamed Nor Azhari Azman & Mai Shihah Abdullah (2017). *Tren Pembelajaran Menggunakan Multimedia Interaktif dalam Bidang Pendidikan Teknikal: Satu Sorotan Literatur*. e-ISSN ISSN:2289-6996
- Syamsulaini Sidek, Mashitoh Hashim (2018). Pengajaran Berasaskan Video dalam Pembelajaran Berpusatkan Pelajar: Analisis dan Kajian Kritikal. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*ISSN 2289-7844/ Vol. 3 / 2016 / 24-33